

# BAB PERTAMA

# KONSEP

# ZAKAT TANAMAN

## **BAB PERTAMA**

### **KONSEP ZAKAT TANAMAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Zakat tanaman adalah merupakan jenis zakat yang sering diperkatakan dan diperbincangkan di kalangan masyarakat umat Islam di negara ini. Begitu juga apabila diperkatakan mengenai zakat harta, maka kebiasaananya masyarakat akan menuding jari ke arah zakat tanaman. Tidak hairanlah seandainya isu-isu berkaitan zakat tanaman sering dijadikan topik utama di persidangan-persidangan zakat di Malaysia.<sup>1</sup>

Walaupun terdapat persoalan-persoalan baru berkaitan dengan zakat harta-harta yang lain seperti zakat pendapatan professional yang kini mula mendapat tempat dalam perbincangan-perbincangan isu-isu zakat semasa, namun zakat tanaman tetap mempunyai isu tersendiri untuk diperbincangkan.<sup>2</sup> Gambaran ini seolah-olah melihatkan bahawa isu-isu baru berkaitan dengan zakat tanaman ini sentiasa wujud dan memerlukan kepada huraihan baru sejajar dengan berkembangnya kemajuan teknologi era ini.

Justeru, sebagai permulaan kepada perbahasan penyelidikan ini, penulis merasakan adalah lebih wajar dibahaskan dahulu konsep zakat tanaman itu sendiri dan tumpuan perbahasan adalah mengenai konsep zakat tanaman sahaja dan tidak meliputi zakat harta yang lain.

## **1.2 PENGERTIAN ZAKAT TANAMAN**

Sebagai permulaan perbahasan ini, penulis akan melakukan tinjauan ringkas pengertian zakat itu sendiri dari segi bahasa dan juga syarak. Ini adalah bertujuan untuk melihat apakah yang dimaksudkan dengan perkataan zakat itu dan seterusnya dapat menghuraikan dan menjelaskan maksud zakat tanaman.

### **1.2.1 Pengertian Zakat Menurut Bahasa**

Jika ditinjau dari sudut bahasa, perkataan zakat timbul daripada kata dasar (*maṣdar*) perkataan bahasa ‘Arab, *zakā* (زَكَاةً) yang bererti berkembang, bertambah, bersih dan baik.<sup>3</sup> Perkataan ini juga antara lain bermaksud bersih suci dan kembang subur, yang maksudnya membersihkan dan mengembangkan.<sup>4</sup> Pengertian pembersihan dan pertumbuhan adalah sejajar dengan firman Allah S.W.T. yang berbunyi;<sup>5</sup>

نَذِلَحْ مِنْ زَكَاهَا

Maksudnya : “Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).”

(Surah al-Syams : 9)

### **1.2.2 Pengertian Zakat Menurut Istilah Syarak**

Sekiranya dilihat dari perspektif syarak pula, pelbagai definisi telah diberikan oleh para fuqaha’ Islam terhadap pengertian zakat ini. Dalam hal ini,

penulis akan mengutarakan beberapa definisi yang telah diberikan oleh para fuqaha' mengenai istilah zakat ini.

Menurut Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Majmū'*, menyatakan bahawa zakat dari perspektif Fiqh Islam membawa maksud sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah S.W.T. untuk diserahkan kepada orang yang berhak. Kadar tertentu yang dikeluarkan dari kekayaan itu dinamakan zakat kerana yang dikeluarkan itu akan bertambah banyak, menjadi lebih bererti dan melindungi kekayaan pemilik harta itu dari kebinasaan.<sup>6</sup>

Di dalam kitab *al-Mughnī al-Muhtāj* pula, zakat adalah merupakan nama bagi bahagian tertentu dari harta yang tertentu, yang wajib diberikan atau dikeluarkan kepada orang yang tertentu dengan syarat-syaratnya yang tertentu.<sup>7</sup> Ibnu Qudamah pula berpendapat, lafadz zakat berasal daripada perkataan *zakā'* (زكوة) yang bererti *namā'* (نماء). Perkataan itu membawa maksud pengembangan dan penambahan. Harta itu dinamakan zakat kerana membawa kepada penambahan dan pengembangan.<sup>8</sup>

Menurut Imam al-Syawkāni,<sup>9</sup> zakat dari segi istilah syarak bermaksud memberi sebahagian daripada harta benda yang cukup nisabnya kepada orang yang berhak terhadap harta itu seperti fakir miskin. Menurutnya lagi, penggunaan perkataan *al-namā'* (نماء) dan *al-taqīhīr* (النطهير) oleh syarak kerana;

1. Harta yang dikeluarkan (zakat) akan membawa kepada pengembangan harta itu sendiri dan menambahkan pahala kepada pengeluarnya.
2. Harta yang dikeluarkan (zakat) akan menyucikan jiwa pengeluarnya daripada sifat-sifat tamak dan kikir.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi,<sup>10</sup> erti tumbuh dan suci tidak dipakaikan hanya buat kekayaan, tetapi lebih dari itu, juga buat jiwa orang yang menzakatkannya, sesuai dengan firman Allah S.W.T. yang berbunyi;

خذ من أموالهم صدقة تطهيرهم وتركهم ما وصل عليهم إن صلوتك سكن لهم والله سبحانه علیم

Maksudnya : “*Aambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”*

(Surah al-Taubah : Ayat 103)

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan yang diberikan oleh para fuqaha' di atas, dapatlah disimpulkan bahawa zakat adalah merupakan suatu hak yang wajib pada harta di sisi syarak. Ia membawa maksud mengeluarkan bahagian yang tertentu dengan kadar tertentu yang wajib daripada harta yang tertentu apabila mencukupi syarat-syaratnya yang telah ditentukan oleh syarak untuk diberikan kepada golongan-golongan (*asnāf*) yang telah ditetapkan oleh syarak.

### **1.2.3 Pengertian Zakat Tanaman**

Kegiatan bidang pertanian sememangnya sesuatu yang tidak asing lagi kepada manusia dari zaman dahulu hingga sekarang. Apabila diperkatakan mengenai pertanian, maka ia adalah suatu kegiatan yang berkaitan dengan bertani dan fokus utamanya ialah tanam-tanaman. Ianya adalah meliputi sama ada yang tumbuh dengan sendirinya, atau yang ditanam oleh manusia. Begitu juga sama ada berbentuk pokok buah-buahan, biji-bijian atau sayur-sayuran.

Jika kita meninjau perbendaharan Fiqh yang memperkatakan persoalan zakat tanaman, kita akan melihat bahawa biasanya perbahasan yang dilakukan mengenai zakat tanaman ini dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu pertamanya, mengenai zakat buah-buahan dan kedua, mengenai zakat tanam-tanaman. Sebagai contohnya dalam kitab *al-Muhadhdhab*, terlebih dahulu membahaskan persoalan zakat buah-buahan di dalam *Bāb Zakāt al-Thimār*, dan kemudiannya, *Bāb Zakāt al-Zuruū*.<sup>11</sup> Manakala dalam kitab *Nihāyat al-Muhtāj* pula menyebut *Bāb Zakāt al-Nabāt*.<sup>12</sup> Walaupun ia dipisahkan perbahasannya, namun kedua-duanya adalah meliputi di bawah zakat tanaman. Namun begitu tidak ada takrifan yang diberikan mengenai zakat tanaman ini secara spesifik.

Dalam usaha membentuk takrifan zakat tanaman ini, penulis cuba menjelaskan berdasarkan kepada kitab *al-Muhadhdhab*. Di dalamnya dinyatakan tanaman yang dikenakan zakat ialah, semua tanaman yang dikeluarkan daripada bumi, yang mengenyangkan, tahan disimpan lama, kering dan merupakan

makanan yang lazim (asasi) serta ditanam oleh manusia, seperti gandum, padi dan lain-lain.<sup>13</sup> Takrifan yang dibuat ini adalah berdasarkan kepada pegangan mazhab Syafi'i mengenai tanam-tanaman yang diwajibkan zakat padanya (akan dibahaskan dalam perbahasan selanjutnya).

Dalam memberi takrifan ini juga, penulis merasakan wajar merujuk kepada firman Allah S.W.T. yang berbunyi;

بِأَيْمَانِ الَّذِينَ عَامَتْهُ أَنْفُقُوا مِنْ طَبِيعَتِهِ كَسِيتُمْ وَعَلَيْهِ حِرْجٌ لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَعْمَلُونَ

الْحَيْثُ مِنْهُ تَنْفَعُونَ وَلَسْتُمْ بِأَخْدِيهِ إِلَّا أَنْ تَعْمَضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ

Maksudnya : “Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejam mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(Surah al-Baqarah : Ayat 267)

Begitu juga berdasarkan kepada kepada sabda Baginda s.a.w. yang berbunyi;<sup>14</sup>

فِيمَا سُقِتَ الْأَخْمَارُ وَالْعَيْنُونَ الْعَشْرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالنَّصْعَنِ نَصْعَنُ الْعَشْرُ

Maksudnya : “Pada apa yang diairi sungai dan mata air dikenakan sepersepuluh (10 %), dan pada yang disirami dengan mengangkat air (ditimbakan) dikenakan setengah dari persepuhluh (5 %)”

Ayat al-Qur'an di atas jelas menyuruh manusia mengeluarkan hasil yang keluar daripada bumi yang diusahakan oleh manusia termasuklah tanam-tanaman yang tumbuh dari bumi. Begitu juga hadis Rasulullah s.a.w., yang menjelaskan bahawa kadar zakat tanaman ialah sepuluh peratus (10 peratus) apabila tanaman itu disiram dengan air daripada punca semula jadi dan kadarnya ialah lima peratus (5 peratus) apabila ia diairi dengan menggunakan tenaga manusia.

Sebagaimana dijelaskan, zakat bermaksud mengeluarkan kadar yang tertentu daripada harta yang tertentu yang mencukupi syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan yang tertentu. Apabila dinisbahkan perkataan zakat itu kepada tanam-tanaman iaitu zakat tanaman, maka ia menurut pendapat penulis yang cuba menyimpulkan pengertian zakat tanaman ini ialah, ia bermaksud mengeluarkan kadar yang tertentu daripada hasil tanaman yang tertentu yang mencukupi syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan-golongan tertentu sebagaimana telah ditetapkan oleh syarak. Takrifan ini juga menjelaskan bahawa tidak semua tanaman yang ada di atas muka bumi yang dimiliki oleh manusia diwajibkan zakat padanya. (Jenis-jenis tanaman yang diwajibkan zakat akan dibincangkan dalam perbahasan selanjutnya.)

### **1.3 DALIL KEWAJIPAN ZAKAT TANAMAN**

Jika kita merujuk kepada keseluruhan dalil-dalil yang menerangkan akan kewajipan zakat ini daripada al-Qur'an,<sup>15</sup> al-Sunnah<sup>16</sup> dan juga al-Ijma'<sup>17</sup> dalil-dalil tersebut menjelaskan harta-harta yang wajib dikeluarkan zakat seperti

ternakan, emas dan perak, galian dan lain-lain. Begitu juga dengan hasil tanaman. Kewajipan mengeluarkan zakat tanaman ini, telah termaktub dengan jelas di dalam al-Qur'an dan juga al-Sunnah.

Kewajipan ini dapat dilihat dengan jelas di dalam firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 267 (sila rujuk pada halaman 6). Dalam ayat ini, zakat itu dikenali dengan nama *al-nafaqat* (النفقة). Ayat ini juga menjelaskan kewajipan *infāq* daripada apa yang dikeluarkan daripada bumi itu ialah kewajipan mengeluarkan zakat kerana tidak ada hak yang lain selain daripada zakat.<sup>18</sup>

Begitu juga dengan firman Allah S.W.T. yang menjelaskan secara khusus kewajipan mengeluarkan zakat daripada hasil tanaman. Firman Allah S.W.T.;

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ حَتَّىٰ مَعْرُوشَتْ وَغَيْرِ مَعْرُوشَتْ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْلِفًا أَكْلَهُ وَالرِّيَّوْنَ وَالرَّمَانَ  
مُتَشَابِهًا وَغَيْرِ مُتَشَابِهٍ كُلُّوا مِنْ مُثْرِهِ إِذَا أَمْرَرْ وَآتُوا حَقَّهُ بِوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تَسْرُفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ  
Maksudnya : "Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar dan tanam-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya dan daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampau-lampau."

(Surah al-An'ām : Ayat 141)

Menurut Ibn ‘Abbas, maksud lafaz *haqqahu* (حقه) dalam ayat di atas ialah zakat yang diwajibkan. Katanya lagi, lafaz itu bermaksud sepersepuluh, *al-‘usyr* (العشر) dan separuh sepersepuluh, *nisf al-‘usyr* (نصف العشر).<sup>19</sup>

Kewajipan mengeluarkan zakat daripada hasil pertanian ini, bukan sahaja termaktub di dalam al-Qur'an, malah Rasulullah s.a.w. sendiri telah menegaskan perihalnya di dalam sebuah sabda Baginda s.a.w. daripada Ibn 'Umar yang menjelaskan kadar yang wajib dikeluarkan zakat berdasarkan kepada kaedah pengairan yang digunakan (sila rujuk pada halaman 6).<sup>20</sup> Begitu juga dalam sebuah hadis yang lain, Baginda s.a.w. bersabda yang berbunyi;<sup>21</sup>

فِيمَا سُقِتَ الْأَكْحَارُ وَالْعِشْرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّانِيَةِ نِصْفُ الْعِشْرِ

Maksudnya : "Pada yang disirami sungai dan hujan dikenakan sepersepuluh (10%) dan pada yang disirami dengan air yang diangkut dengan alat pengangkut air dikenakan setengah sepersepuluh (5%)"

Berdasarkan kepada Ijma' pula, seluruh umat Islam telah bersepakat bahawa zakat dikenakan ke atas hasil-hasil tanaman yang mencukupi syarat-syarat wajib pengeluarannya.<sup>22</sup> Melalui dalil akal juga akan dapat dilihat mengapa zakat pertanian ini diwajibkan. Iaitu antara hikmah zakat yang dikeluarkan itu adalah merupakan tanda kita bersyukur kepada nikmat pemberian Allah Ta'ala yang memberi rezeki kepada hambanya. Begitu juga kita dapat melihat bahawa

mengeluarkan zakat itu dapat membersihkan diri daripada dosa dan juga menyucikan harta daripada bercampur dengan harta-harta yang menjadi milik orang lain.<sup>23</sup>

Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Qur'an, al-Sunnah, al-Ijma' dan juga akal di atas, jelas kepada kita bahawa tanaman adalah wajib dikeluarkan zakatnya. Hasil yang diperolehi daripada usaha yang dilakukan itu perlu dibersihkan dengan cara mengeluarkan zakat. Justeru tidak perlu lagi dipertikaikan akan kewajipan zakat hasil tanaman ini apabila ia mencukupi syarat-syarat wajib pengeluaran zakat.

#### **1.4 HASIL TANAMAN YANG DIWAJIBKAN ZAKAT**

Berdasarkan kepada dalil-dalil mengenai kewajipan zakat, tidak dinafikan lagi bahawa hasil tanaman juga adalah merupakan sejenis harta daripada harta-harta yang diwajibkan untuk dikeluarkan zakat. Namun begitu, apa yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha' ialah apakah jenis hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat darinya. Apakah semua hasil tanaman sama ada yang ditanam oleh manusia ataupun yang tumbuh dengan sendiri itu wajib dikeluarkan zakat atau apakah hanya jenis tanaman yang tertentu sahaja wajib dikeluarkan zakat?

Apakah dasar yang menjadi ukuran untuk dikeluarkan zakat itu?

Dalam hal ini, penulis akan meneliti secara ringkas persoalan-persoalan di atas dengan melihat pandangan-pandangan para fuqaha' untuk menentukan

apakah hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat oleh para petani yang mengusahakannya. Begitu juga apakah pertimbangan yang digunakan oleh para fuqaha' dalam menentukan jenis-jenis tanaman ini.

Berdasarkan kepada Mazhab Imam Abu Hanifah, semua hasil yang tumbuh dari bumi itu wajib dikeluarkan zakat dengan kadar samada 10 peratus atau 5 peratus daripada hasil yang diperolehi. Semua hasil tanaman itu dikenakan zakat apabila tanaman itu adalah untuk tujuan dieksplotasi dan diperolehi hasil daripada penanamannya. Tanaman itu juga adalah tanaman yang kebiasaannya ditanam oleh manusia, maka wajib dikeluarkan zakat daripadanya.<sup>24</sup>

Bagi Mazhab Maliki<sup>25</sup> dan Syafi'i<sup>26</sup> pula, sifat hasil tanaman yang diwajibkan zakat ialah apabila ia memenuhi ciri-ciri tanaman yang mengenyangkan, tahan disimpan lama, kering dan merupakan makanan yang lazim (asasi) serta ditanam oleh manusia. Mereka berpendapat bahawa zakat wajib atas segala makanan yang dimakan dan disimpan dari biji-bijian kering seperti gandum, padi dan jagung. Maksud makanan di sini ialah sesuatu yang dijadikan makanan asasi atau makanan ruji sesuatu tempat. Ia juga adalah makanan ketika dalam keadaan normal atau biasa dan bukannya dalam keadaan luar biasa. Manakala makanan yang boleh disimpan tetapi tidak menjadi makanan asasi tidak diwajibkan zakat seperti buah pala dan buah badam. Begitulah juga tanaman yang tidak tahan disimpan tidak diwajibkan zakat padanya seperti sayur-sayuran, buah jambu dan delima. Tanaman ini jika dilihat

adalah merupakan tanaman yang menjadi makanan utama dan keperluan kepada kehidupan manusia.<sup>27</sup>

Manakala Mazhab Hanbali pula, tanaman yang diwajibkan zakat adalah berdasarkan kepada sifat-sifat tanaman itu sendiri yang mana hasilnya adalah boleh dikeringkan, disukat atau digantangkan, dapat ditimbang dan diusahakan oleh manusia. Begitu juga tanaman itu menjadi perhatian manusia di tempat tersebut. Ia juga merupakan makanan asasi seperti gandum, padi dan jagung, kurma dan anggur.<sup>28</sup>

Daripada pendapat-pendapat fuqaha' di atas, kita dapat melihat bahawa berlaku perselisihan pendapat mengenai tanaman yang wajib dikeluarkan zakat padanya. Masing-masing berdasarkan kepada pendalilan yang tersendiri dalam menentukan hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat.

Apa yang dapat diperhatikan di sini ialah terdapat tiga pendapat utama dalam menentukan jenis-jenis tanaman yang wajib dikeluarkan zakat daripadanya. Dasar atau ukuran yang mewajibkan tanaman itu dikeluarkan zakat adalah berdasarkan kepada sifat-sifat yang tertentu yang boleh diringkaskan sebagaimana berikut:

1. Mazhab Hanafi berpendapat semua tanaman yang ditanam oleh manusia dengan tujuan mendapatkan hasil dikenakan zakat padanya.

2. Mazhab Maliki dan Syafi'i berpendapat tanaman yang boleh disimpan dan merupakan makanan ruji bagi sesuatu tempat wajib dikeluarkan zakat.
3. Mazhab Hanbali berpendapat zakat dikenakan terhadap tanaman berdasarkan sifat-sifatnya iaitu kering, tetap dan dapat ditimbang.

Dalam hal perselisihan fuqaha' mengenai jenis tanaman yang diwajibkan zakat padanya, penulis tidak akan membahaskan secara terperinci dari segi pendalilan para fuqaha' terhadap tanam-tanaman yang diwajibkan zakat padanya. Begitu juga tidak akan *ditarjihkan* pendapat-pendapat tersebut. Apa yang ingin penulis utarakan dan simpulkan daripada perbincangan ringkas ini ialah tanaman padi yang merupakan makanan ruji atau asasi di negara kita wajib dikeluarkan zakat berdasarkan kepada pendapat kedua, iaitu Mazhab Syafi'i yang juga merupakan mazhab pegangan umat Islam di negara kita, Malaysia.

## **1.5 SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT TANAMAN**

Daripada perbincangan sebelum ini telah dijelaskan secara ringkas jenis-jenis hasil tanaman yang wajib dikeluarkan zakat darinya. Namun begitu, pengeluaran zakat tanaman itu masih tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak. Dengan lain perkataan, sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang dilandaskan oleh syarak, maka seseorang individu muslim itu tidak wajib mengeluarkan zakat.

Penulis tidak akan memperkatakan persoalan syarat-syarat wajib zakat secara keseluruhan kerana tumpuan yang akan diberikan dalam kajian ini adalah

dalam ruang lingkup zakat tanaman. Secara umumnya, syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mewajibkan pengeluaran zakat keseluruhan harta yang diwajibkan padanya zakat ialah Islam,<sup>29</sup> merdeka,<sup>30</sup> milik yang sempurna,<sup>31</sup> harta yang berkembang,<sup>32</sup> cukup nisab,<sup>33</sup> melebihi keperluan biasa,<sup>34</sup> bebas daripada hutang<sup>35</sup> dan cukup *hawl*.<sup>36</sup> Ini adalah merupakan syarat-syarat umum yang telah digariskan oleh syarak untuk mewajibkan seseorang itu mengeluarkan zakat.

Secara dasarnya, syarat-syarat wajib pengeluaran zakat tanaman adalah berdasarkan kepada syarat-syarat umum yang dikenakan terhadap semua jenis harta yang diwajibkan zakat padanya sebagaimana dinyatakan sebelum ini. Namun begitu, terdapat pengecualian daripada keseluruhan syarat-syarat tersebut terhadap zakat tanaman. Ini adalah kerana tanaman tidak diwajibkan syarat *hawl* padanya. Pengecualian inilah yang membezakan antara zakat tanaman daripada harta-harta yang lain. Di sini, penulis akan melihat mengapa syarat *hawl* tidak dikenakan padanya serta apakah rasionalnya syarak mengecualikan syarat *hawl* daripadanya.

*Hawl* adalah merupakan satu tempoh yang telah ditetapkan oleh syarak bagi pengiraan zakat harta. *Hawl* bermaksud, pemilikan sempurna sesuatu harta oleh pemilik harta tersebut selama tempoh satu tahun mengikut kiraan kalendar Islam.<sup>37</sup> Pengenaan syarat *hawl* ini tidak lain dan tidak bukan adalah bagi memudahkan pengiraan kepada manusia.<sup>38</sup>

Pengenaan syarat *hawl* oleh syarak terhadap harta ini telah disepakati oleh seluruh para fuqaha' kecuali satu riwayat daripada Ibn Mas'ud dan Mu'awiyah yang mengecualikan syarat ini.<sup>39</sup> Jumhur fuqaha' dalam hal ini berpegang kepada sabda Baginda s.a.w. yang berbunyi;

لَا زَكَاةُ فِي مَالٍ حَقٌّ يَحْوِلُ عَلَيْهِ الْحَوْلُ

Maksudnya : “*Tidak dikenakan zakat ke atas harta hingga lah melalui tempoh satu tahun (*hawl*)*”

Jika diteliti di sini mengapa syarat *hawl* dikenakan terhadap harta selain daripada tanaman untuk mewajibkan pengeluaran zakat adalah kerana *hawl* adalah merupakan satu tempoh untuk mendapatkan maksud pengembangan. Sesuatu harta itu tidak berkembang melainkan setelah melalui suatu tempoh yang tertentu. Tempoh itulah yang dikenali sebagai *hawl* yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini juga mengelakkan berlakunya pengulangan pemberian zakat dalam waktu yang sama kerana zakat tidak boleh diambil dua kali dalam tempoh setahun yang secara langsung boleh menjelaskan harta pemilik sekiranya berlaku pengulangan tersebut.<sup>40</sup>

Sebagai contohnya, pengenaan syarat *hawl* terhadap ternakan kerana dalam tempoh itu akan berlaku proses pembiakan dan jumlah akan bertambah. Manakala perniagaan pula akan memperolehi keuntungan yang merupakan matlamat utama perniagaan. Maka pertambahan jumlah dan keuntungan itulah menepati maksud pengembangan terhadap harta. Ini berbeza dengan tanam-

tanaman. Bagi tanaman, maksud pengembangan atau pertumbuhan adalah tercapai daripada tanaman itu sendiri.

Jika dilihat dari segi pertumbuhan pula, tanaman hanya mencapai kemuncak hasilnya ialah pada hari memetiknya atau menuainya. Petani hanya akan menikmati hasil daripada usahanya hanyalah pada hari menuai dan tidak ada hasil sebelum daripada itu walaupun ia diusahakan beberapa bulan sebelumnya. Sedangkan pada kekayaan selain daripada itu, syarat *hawl* dikenakan, adalah kerana dalam masa setahun itu harta-harta lain merupakan masa pertumbuhan atau perkembangan dan juga boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tersebut. Pemilik-pemiliknya boleh menikmati hasil daripada harta-hartanya walaupun belum cukup tempoh setahun. Jelasnya di sini, penghasilan tanaman adalah dikira dengan menuai dan bukannya dengan kekalnya. Selagi tidak dituai tidak akan diperolehi hasilnya.

Lantaran itu daripada ketiadaan syarat *hawl* ini, zakat tanaman wajib dibayar sebaik sahaja hasilnya dituai. Berbeza dengan harta-harta yang lain yang hanya dikeluarkan zakat setelah cukup *hawl*nya. Dapat disimpulkan di sini bahawa pada tanaman tidak dikenakan syarat *hawl* kerana penghasilannya dikira dengan menuai bukan dengan sebab kekalnya tanaman tersebut. Hasil hanya dapat apabila dituai. Manakala dalam zakat harta-harta yang lain, *hawl* dikira kerana ia menjadi bukti penyempurnaan dan perkembangan harta tersebut.

## 1.6 NISAB ZAKAT TANAMAN

Nisab adalah merupakan jumlah tertentu yang dicapai oleh sesuatu harta untuk mewajibkan seseorang itu mengeluarkan zakat darinya. Seandainya tidak mencukupi kadar tersebut, maka tidak diwajibkan pengeluaran zakat itu. Merujuk kepada zakat tanaman, ia tidak dikenakan zakat melainkan mencapai nisabnya iaitu lima *awsaq*.<sup>41</sup> Ini berdasarkan kepada hadis *sahīh muttafaq 'alayh*, bahawa sabda Rasulullah yang berbunyi;<sup>42</sup>

لِمَنْ فِيمَا دُونَ حَسْنَةٍ أَوْ سَقْ صَلْحَةٍ

Maksudnya : “*Tidak dikenakan zakat (tanaman dan buah-buahan) yang tidak sampai lima wasaq.*”

Nisab adalah dikira berdasarkan kepada *kayl* (sukatan). *Wasaq* adalah sejenis sukatn. *Sā'* (gantang) adalah merupakan sukatan penduduk Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w. Kadar satu *wasaq* adalah bersamaan dengan 60 *sā'* (gantang). Satu *sā'* (gantang) adalah bersamaan dengan empat *mudd* (cupak). Jika dikira berdasarkan kepada kati, ia menyamai 5 1/3 kati iaitu dengan perkiraan satu kati bersamaan dengan 675 gram. Maka nisab tanaman dikenakan zakat iaitu lima *awsaq* adalah bersamaan dengan 653 kilogram atau 50 *kayl* Mesir.<sup>43</sup>

Nisab dikira selepas hasil tanaman itu dikeringkan dan dibersihkan. Bagi biji-bijian, ia hendaklah dibersihkan daripada hampa dan kulitnya. Ini kerana ia tidak disimpan bersama kulitnya dan tidak dimakan bersamanya. Kemudian barulah disukat hasil itu. Tetapi bagi biji-bijian yang sukar disimpan dengan

kulitnya yang dapat menjaganya dari kerosakan, maka nisabnya adalah 10 *awsuq* seperti padi. Maka tidaklah perlu untuk dipisahkan daripada kulitnya kerana ia boleh merosakkan beras itu.<sup>44</sup>

Namun begitu, jika kita melihat kepada pendapat para fuqaha', ternyata bahawa terdapat dua pendapat utama mengenai syarat nisab ke atas tanaman ini. Jumhur ulama, para sahabat, tabi'i'en dan seluruh ilmuan selepas mereka berpendapat bahawa zakat tidak diwajibkan ke atas tanaman hingga mencapai lima *awsuq*.<sup>45</sup> Pendapat mereka ini adalah berdasarkan kepada sabda Baginda s.a.w. yang berbunyi;<sup>46</sup>

لَيْسَ فِيمَا دُونَ حُسْنَةً أُوْسَقَ صَدَقَةً وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ حُسْنَ ذُودَ صَدَقَةً وَلَيْسَ فِيمَا دُونَ حُسْنَ أَوَّاقَ صَدَقَةً

Maksudnya : “*Tidak dikenakan zakat bagi yang kurang daripada lima awsuq. Dan tidak dikenakan zakat pada unta yang kurang dari 5 ekor, dan tidak dikenakan zakat pada perak yang kurang daripada 5 awqiyah*”.

Namun begitu Imam Abu Hanifah berpendapat sebaliknya, iaitu zakat diwajibkan ke atas hasil tanaman itu samada sedikit atau banyak.<sup>47</sup> Iaitu tidak ada kadar nisab yang tertentu. Dalam hal ini, beliau berpegang kepada umumnya firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah, ayat 267 (sila rujuk pada halaman 7) dan berdasarkan kepada ayat 141, surah al-An‘ām (sila rujuk pada halaman 9). Begitu juga berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. daripada Ibn ‘Umar (sila rujuk pada halaman 9).

Berdasarkan kepada ayat-ayat dan hadis di atas, tidak dijelaskan mengenai nisab itu sama ada sedikit atau banyak. Menurut beliau, sebab wajib zakat ialah kerana kesuburan tanah mengeluarkan hasil, tanpa dibezakan antara hasil yang banyak atau sedikit. Berdasarkan kepada hadis ini, zakat tanaman itu tidak disyaratkan *hawl* padanya, maka dengan itu, nisab juga tidak disyaratkan padanya.<sup>48</sup> Dalam hal ini, Imam Ibn Hazm bersepakat dengan Imam Abu Hanifah bahawa zakat dikenakan kepada apa jua tanaman yang keluar daripada bumi tanpa mengira kadarnya sedikit atau banyak.<sup>49</sup>

Bagi menyelesaikan perselisihan pendapat ini, penulis menyokong kesimpulan daripada pendapat yang diulaskan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Menurut beliau, seandainya kita berpegang kepada pendapat Imam Abu Hanifah, maka ia adalah jelas bertentangan dengan hadis *sahīh muttafaq 'alayh*. Zakat hanya dikenakan bagi tanaman yang mencapai nisabnya lima *awsuq*. Nisab adalah menunjukkan kekayaan seseorang dan kekayaan itulah mewajibkan zakat.<sup>50</sup>

Di sini dapat dilihat mengapa rasionalnya syarak mengenakan syarat mencukupi nisab yang mewajibkan pengeluaran zakat tanaman. Rasional pengenaan syarat nisab terhadap harta-harta yang dikenakan zakat ini ialah kerana nisab itu menunjukkan bahawa seseorang itu mempunyai kekayaan dan kekayaan itu terhasil hanya apabila harta itu mencapai kadar yang tertentu. Kadar tertentu itulah yang dinamakan sebagai nisab. Sekiranya tidak mencukupi nisab dalam

sesuatu harta itu, maka pemiliknya tidaklah dikatakan mempunyai kekayaan dan seterusnya tidak diwajibkan zakat padanya.<sup>51</sup>

Secara tidak langsung di sini dapat dilihat bahawa nisab itu menunjukkan status seseorang atau tahap ekonomi seseorang untuk dilihat sama ada kaya atau tidak. Sekiranya tidak berdasarkan kepada nisab dan zakat dikenakan pada jumlah harta yang sedikit atau banyak, maka ia tidak ada perbezaan antara para petani. Maka tidak akan tercapai maksud syarak dalam memelihara kemaslahatan umat Islam. Zakat bertujuan membantu orang yang berpendapatan rendah. Tidak ada makna sekiranya para petani wajib mengeluarkan zakat walaupun mendapat hasil yang sedikit (tidak mencapai nisab yang ditentukan), tetapi masih perlu mengeluarkan zakat. Jelasnya, syarat mencukupi nisab itu menunjukkan sifat kekayaan kepada pemilik harta tersebut. Nisab juga menunjukkan bahawa harta itu adalah harta yang berkembang.

#### **1.7 KADAR BAYARAN ZAKAT TANAMAN**

Kadar zakat tanaman ini bermaksud jumlah tertentu yang wajib dikeluarkan oleh pemilik harta yang mencukupi syarat-syarat yang mewajibkan pengeluaran zakat. Bagi tanaman, kadar zakatnya telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. (sila rujuk pada halaman 10).<sup>52</sup> Daripada hadis tersebut difahami bahawa:

1. Sekiranya tanaman itu mendapat air daripada sumber semulajadi seperti hujan dan sungai, maka kadar pengeluarannya adalah satu persepuhluh (10 peratus).

2. Sekiranya tanaman itu mendapat air dengan cara siraman air yang diangkut dengan alat pengangkut air, maka kadarnya ialah setengah satu persepuhlus (5 peratus).

Sekiranya tanaman itu mendapat air daripada kedua-duanya, maka ia dilihat kepada kadar ia mendapat air tersebut iaitu;<sup>53</sup>

1. Sekiranya ia mendapat sebahagian daripada sumber semulajadi dan sebahagian daripada usaha manusia, maka kadarnya ialah tiga perempat persepuhlus iaitu 7.5 peratus.
2. Sekiranya mendapat air daripada sumber semulajadi lebih banyak, maka kadarnya ialah 10 peratus.
3. Sekiranya mendapat air daripada usaha manusia lebih banyak, maka kadarnya ialah 5 peratus.
4. Sekiranya tidak diketahui kadar mana yang lebih banyak, maka ia akan dibahagi kepada dua bahagian yang sama banyak kerana tidak diketahui kadar yang sebenar. Maka apabila kedua-duanya mencukupi lima *awsaq*, maka dihitunglah kadarnya iaitu 5 peratus dan 10 peratus. Tetapi dengan syarat tidak memudaratkan hasilnya itu.

Apa yang dapat diperhatikan di sini, berlaku perbezaan dalam kadar pengeluaran zakat tanaman. Iaitu dengan tiga kadar, sama ada 5 peratus atau 7.5 peratus atau 10 peratus daripada hasil itu apabila mencukupi nisabnya. Perbezaan kadar yang wajib dikeluarkan ini adalah berdasarkan kepada kadar penggunaan

tenaga yang dilakukan. Semakin sedikit dan ringan tenaga digunakan, maka semakin sedikit kadar yang wajib dikeluarkan.

Dalam hal ini, tidak ada perselisihan di kalangan para fuqaha' mengenai kadar yang mewajibkan pengeluaran zakat pertanian ini kecuali Imam Abu Hanifah yang berpendapat sebaliknya. Beliau berpendapat bahawa zakat wajib dikeluarkan sama ada sedikit atau banyak hasil yang diperolehi. Namun pendapat ini adalah bertentangan dengan hadis *sahīḥ* di atas.<sup>54</sup>

Jika dilihat dengan lebih mendalam, dapat disimpulkan di sini bahawa prinsip utama dalam pengiraan zakat harta ialah bebananya adalah lebih berat apabila tenaga yang digunakan untuk mendapatkan hasil adalah sedikit dan akan menjadi lebih ringan apabila tenaga yang dicurahkan lebih banyak. Iaitu kadar zakatnya lebih banyak apabila tenaga yang digunakan adalah sedikit dan begitulah sebaliknya.

Sekiranya pendapatan yang diperolehi tanpa memerlukan pekerjaan yang kuat, maka kadar yang lebih tinggi dikenakan tidak akan membebankan pembayarannya dan tidak pula melemahkan segala usaha mereka. Namun sebaliknya bagi pekerjaan yang berat, tetapi hasilnya adalah sedikit, maka kadar zakat yang tinggi bukan sahaja membebankan pembayarannya, tetapi juga mematahkan semangat mereka untuk berusaha keras. Justeru, kadar zakat bagi pendapatan seperti ini sangat rendah.

Semakin kurang tenaga buruh dan modal yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan, semakin tinggi kadar zakat yang dikenakan. Sebaliknya, semakin besar jumlah buruh dan modal yang digunakan, semakin rendah kadar yang terpaksa dibayar. Prinsip ini memperlihatkan bahawa kadar zakat adalah berlawanan dengan jumlah buruh dan modal yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan.

Tidak ada asas yang lebih natural untuk menentukan zakat. Sebenarnya, semua kekayaan adalah hasil dari penggunaan modal dan buruh. Maka adalah wajar untuk membayar kepada jumlah modal dan buruh yang digunakan oleh seseorang berbanding dengan orang yang memperolehi pendapatan tanpa menggunakan tenaga buruh dan perbelanjaan yang banyak seperti pendapatan yang diperolehi daripada kenaikan harga sesuatu harta. Seperti seseorang menemui harta karun secara tidak sengaja tanpa menggunakan banyak tenaga dan perbelanjaan, bahagian yang perlu dikeluarkan zakat ialah satu perlima (1/5) daripada seluruh harta yang ditemui itu.<sup>55</sup>

Berbeza dengan membajak tanah dan menanaminya atau menjaga kebun buah-buahan memerlukan modal dan tenaga buruh yang agak besar. Disebabkan modal dan buruh perlu dibayar elau masing-masing, maka kadar zakat bagi hasil tanah lebih rendah berbanding dengan kadar bagi harta karun iaitu satu persepuuh (10 peratus) dari hasil pengeluaran. Begitu juga dari aspek pengairan. Jika tanah yang diairi dengan menggunakan tenaga dan modal dari petani,

kadarnya ialah satu perduapuluh (20 peratus). Manakala jika tidak ada tenaga dan modal yang digunakan, iaitu jika tanaman itu bergantung sepenuhnya kepada air hujan atau diairi oleh saliran semulajadi, kadarnya ialah satu persepuhl (1/10). Perbezaan antara satu persepuhl (1/10) dan satu perduapuluh (1/20) adalah mewakili kos buruh dan modal yang digunakan untuk mengairi tanah.

Seterusnya, kadar zakat terhadap emas, perak dan barang dagangan dikurangkan sehingga satu perempat puluh (1/40)<sup>56</sup> Dalam hal ini, prinsip yang sama digunakan. Pengumpulan emas dan perak merupakan satu proses yang lebih sukar berbanding dengan mengerjakan tanah. Di samping menanggung risiko kerugian, ahli perniagaan bukan sahaja menggunakan tenaga buruh dan modal dengan banyaknya, tetapi juga menggunakan daya usaha dan akal fikiran dan akibatnya dianggap sebagai pekerjaan yang lebih berat daripada mengusahakan tanah. Mengkategorikan emas dan perak sama dengan hasil keluaran tanah akan melemahkan usaha-usaha untuk memajukan perniagaan dan mungkin menghancurkan usaha-usaha itu. Dengan itu zakat mestilah dikenakan pada kadar yang paling rendah. Dengan kata lain, kadar yang rendah ini pada asasnya bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri dan perniagaan. Ia merupakan sejenis cukai konsesi bagi orang yang terlibat dalam perniagaan, perdagangan dan industri.

Daripadauraian ringkas ini, dapatlah disimpulkan di sini bahawa besar atau sedikit kadar yang wajib untuk dikeluarkan zakat daripada harta-harta adalah

berdasarkan kepada kesusahan serta kepayahan untuk mendapatkan harta tersebut. Iaitu berdasarkan kepada usaha yang dilakukan. Bagi zakat tanaman, penentuan kadar yang harus dikeluarkan adalah berteraskan kepada usaha yang berasaskan kepada aspek pengairan yang dilakukan terhadapnya dengan kadar 5 peratus atau 7.5 peratus atau 10 peratus.

## **1.8 KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, jelas bahawa hasil tanaman yang diperolehi daripada usaha seseorang individu itu yang mencukupi syarat-syarat wajib pengeluaran zakat, maka wajiblah dia membersihkan harta tersebut dengan mengeluarkan zakat dengan kadar tertentu untuk diberikan kepada golongan yang telah ditetapkan oleh syarak.

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Dr. Ismail Muhd. Salleh dan Rogayah Ngah (1988), “Agihan Tanggungan Zakat ke Atas Pengeluar Padi di Semenanjung Malaysia”, **Seminar Zakat**, Petaling Jaya, Selangor. Lihat juga Tuan Haji Jaafar bin Mohd. Noh (1988), “Masalah-masalah Zakat Padi di Negeri Selangor dan Cara-cara Mengatasinya”, *Ibid*.

<sup>2</sup>Tuan Haji Mat Saad bin Hassan (1988), “Zakat Gaji Bulanan, Pendapatan Perniagaan, Harta Simpanan”, **Seminar Zakat Dan Cukai Pendapatan**, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia. Lihat juga Mujaini Tarimin (1990), **Zakat Pertanian - Sistem Dan Pelaksanaannya**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

<sup>3</sup> Ibrāhim Muṣṭafa (1960), **al-Mu‘jam al-Wasīt**, Kaherah, hlm. 389.

<sup>4</sup> Syams al-Din al-Ramlī (1967M / 1387H), **Nihāyat al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj**, Mesir : Syarikat Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi, Juz. 3, hlm. 43. Lihat juga Syams al-Din al-Sarakhsi (1978M / 1398H), **Al-Mabsūt**, Beirut, Lubnan : Dār al-Ma‘rifat, Cet. 3, Juz. 2, Jld. 1, hlm. 149.

<sup>5</sup> Syams al-Din al-Sarakhsī, **Op. Cit.**

<sup>6</sup> Muḥammad Najib al-Mutiqī (t.t), **Takmīlat Al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab**, Kaherah, Mesir : Matba‘at al-Imām, Jld. 5, hlm. 291.

<sup>7</sup> Muhammad al-Syarbini al-Khaṭīb (1958 M / 1377 H), **Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Ma‘āni Alfāz al-Minhāj**, Jld. 1, Mesir : Syarikat Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi, hlm. 268.

<sup>8</sup> Abu Muḥammad bin ‘Abdullah bin Aḥmad bin Mahmud (Ibn Qudāmah) (1392H / 1972M), **al-Mughnī**, Juz. 2, Mesir : Maktabat al-Qāhirat, hlm. 427.

<sup>9</sup> Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad al-Syawkānī (t.t), **Nayl al-Awṭār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār**, Cet. Terakhir, Juz. 4, Mesir : Syarikat Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi, hlm. 129.

<sup>10</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi (1994 M / 1414 H), **Fiqh al-Zakāt**, Kaherah : Maktabat Wahbat, Cet. 21, Juz. 1, hlm. 54.

<sup>11</sup> Abu Ishaq Ibrahīm bin ‘Ali al-Firuzabādī al-Syirāzī (1959 M / 1379 H), **al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī**, Mesir : Syarikat Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi, Cet. Kedua, Juz. 1, hlm. 208 - 213.

---

<sup>12</sup> al-Ramli (1967M / 1386H), **Op. Cit.**, hlm. 69 - 83.

<sup>13</sup> al-Syirazi, **Op. Cit.**, hlm. 212.

<sup>14</sup> al-Syawkani, **Op. Cit.**, hlm. 139.

<sup>15</sup> Al-Qur'an al-Karim, Surah al-Taubah : Ayat 34; Surah al-Baqarah : Ayat 267; Surah al-Nur : Ayat 56; Surah al-Muzzammil : Ayat 20.

<sup>16</sup> al-Sarakhsyi, **Op. Cit.**, hlm. 149. Lihat juga al-Syawkani, **Op. Cit.**, hlm. 130.

<sup>17</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli (1989 M / 1409 H), **al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh**, Damsyek : Där al-Fikr, Cct. 3, Juz. 3, hlm. 834. Lihat juga al-Syirazi, **Op. Cit.**, hlm. 191. Lihat juga Muhammed Najib al-Mut'i, **Op. Cit.**, hlm. 292. Lihat juga al-Ramli, **Op. Cit.**, hlm. 43.

<sup>18</sup> al-Ramli, **Op. Cit.**, hlm. 70.

<sup>19</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm. 800.

<sup>20</sup> al-Syawkani, **Op. Cit.**, hlm. 139.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> al-Ramli, **Op. Cit.**, hlm. 69 - 70. Lihat juga Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm. 801.

<sup>23</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm 801.

<sup>24</sup> Al-Marghinani (t.t), **al-Hidayat**, Mesir : Muṣṭafa al-Ḥalabi, Jld. 1, hlm. 109.

<sup>25</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 378.

<sup>26</sup> al-Syirazi, **Op. Cit.**, hlm. 212. Lihat juga Imām al-Syāfi'i (1973), **al-Umm**, Beirut : Där al-Ma'ārif, hlm. 34 -35.

<sup>27</sup> Muhammed Najib al-Mut'i, **Op. Cit.**, hlm. 432. Lihat juga al-Ramli, **Op. Cit.**, hlm. 70.

<sup>28</sup> Ibn Qudāmah, **Op. Cit.**, hlm. 622.

---

<sup>29</sup> al-Syirāzi, **Op. Cit.**, hlm. 191.

<sup>30</sup> **Ibid.**, hlm. 191 -192. Lihat juga Muḥammad Najib al-Mutī'ī, **Op. Cit.**, hlm. 293 - 294.

<sup>31</sup> **Ibid.**, hlm. 192.

<sup>32</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 158.

<sup>33</sup> al-Sarakhsī, **Op. Cit.**, hlm. 149.

<sup>34</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 170.

<sup>35</sup> **Ibid.**, hlm. 175.

<sup>36</sup> al-Sarakhsī, **Op. Cit.**, hlm. 149

<sup>37</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 181.

<sup>38</sup> al-Sarakhsī **Op. Cit.**, hlm. 150.

<sup>39</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 182.

<sup>40</sup> **Ibid.**, hlm. 181 - 184.

<sup>41</sup> al-Ramlī, **Op. Cit.**, hlm. 72.

<sup>42</sup> al-Syawkānī, **Op. Cit.**, hlm. 141.

<sup>43</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm. 810.

<sup>44</sup> **Ibid.**, hlm 812. Lihat juga Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 403-404.

<sup>45</sup> **Ibid.**, hlm. 695. Lihat juga al-Syirāzi, **Op. Cit.**, hlm. 212. Lihat juga al-Ramlī, **Op. Cit.**, hlm. 72.

<sup>46</sup> al-Nawawī (1994 M / 1414 H), **al-Minhāj - Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī**, Beirut, Lubnan : Dār al-Ma'rifa, Cet. 1, Jld. 7, hlm. 54.

<sup>47</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm. 810.

---

<sup>48</sup> Ibn Qudāmah, **Op. Cit.**, hlm. 295. Lihat juga Dr. Wahbah al-Zuhayli, **Op. Cit.**, hlm. 896.

<sup>49</sup> Abu Muḥammad ‘Ali bin Aḥmad bin Sa‘id Ibn Ḥazm (t.t), **al-Muḥallā**, Kaherah: Dār al-Turath, Jld. 5, hlm. 112.

<sup>50</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi, **Op. Cit.**, hlm. 390 - 392.

<sup>51</sup> **Ibid.**, hlm. 168. al-Sarakhsī **Op. Cit.**, hlm. 149.

<sup>52</sup> al-Syirāzī, **Op. Cit.**, hlm. 210. Lihat juga al-Nawawī, **Op. Cit.**, Jld. 7, hlm. 53.

<sup>53</sup> **Ibid.**, **Op. Cit.**, hlm. 210.

<sup>54</sup> Al-Nawawī, **Op. Cit.**, hlm 53.

<sup>55</sup> al-Syirāzī, **Op. Cit.**, hlm. 220.

<sup>56</sup> al-Syarbīnī al-Khaṭīb, **Op. Cit.**, hlm. 394.